KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 2 MAC 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br><br>8.<br><br>9. | 'MAKCIK NAK JUMPA SALAHUDDIN', NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -20<br>'MAKCIK NAK JUMPA SALAHUDDIN', NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -36<br>SIM TZE TZIN: MALAYSIA TO EXPORT FROZEN SHELLED DURIAN TO CHINA, NATION, CHINA PRESS -A9<br>CHINA TO IMPORT MALAYSIA DURIAN SOON, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>SET UP DURIAN ORCHARD ECO – FARM FOR TOURISM, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A26<br>DURIAN TOURISM IS SET TO LAUNCH MID OF THE YEAR, NATION, KWONG WAH YIT POH -A5<br>322,000 PESAWAH TERIMA BAJA UREA, SEBATIAN BAGI MUSIM PENANAMAN PERTAMA 2018 / 2019, NEWS, BERNAMA -4<br>322,000 FARMERS RECEIVE UREA FERTILISER FOR FIRST PLANTING SEASON, NEWS, BERNAMA -4<br>BETTER CORDINATION AND COOPERATION BETWEEN MOA & MAFI – JUNZ, NEWS, BORNEO TODAY -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 10. | VIOLATING FISHING LICENCE: SKIPPER FINED RM4,000, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -6 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 11. | MAQIS WIRA KESELAMATAN MAKANAN, NASIONAL, SH -3 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 12. | SPEKTRUM BERSAMA SHAHRUL HAFIZ ZAM, SPEKTRUM, HM -40 | PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) /<br>LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 13.<br>14.<br>15. | HIKMAH CUACA PANAS, SETEMPAT, HM -24<br>CUACA PANAS TIDAK JEJAS BEKALAN SAYUR, DALAM NEGERI, UM -48<br>CUACA PANAS TIDAK JEJAS BEKALAN SAYUR, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16.<br>17.<br><br>18.<br>19.<br>20.<br>21. | BEKALAN AIR DI BEBERAPA NEGERI MASIH MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -16<br>JAGA KUALITAS, KEMENTAN KELUARKAN ATURAN STANDARD PUPUK ORGANIK, NEWS, MALAYSIA SHAFAQNA -5<br>LARA MUSIM TENGKUJUH, S2, UM<br>AMBIL RISIKO REDAH MONSUN TIMUR LAUT, S2 RENCANA, UM -22<br>ANCAMAN BOT PUKAT TUNDA JEJAS PENDAPATAN, S2 RENCANA, UM -23<br>KUPANG REZEKI BAHARU NELAYAN, S2 RENCANA, UM -23 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Makcik nak jumpa Salahuddin' | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Utara) | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 160,000 |
| Page No | 20 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 379 cm² |
| Journalist | MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID | AdValue | RM 2,655 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,964 |



# 'Makcik nak jumpa Salahuddin'

***Pesawah padi kesal tindakan kerajaan tidak berikan subsidi penuh baja padi***

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID

KAMPUNG GAJAH



SITAH



Lebih 100 pesawah Jelapang Padi Seberang Perak mengadakan bantahan dan meminta subsidi penuh baja padi dikembalikan seperti dahulu.

"Deme jadi menteri kita ni rakyat sokong, susah payah kita sokong deme, dah deme jadi menteri nak potong pulak pendapatan kita.

Itu antara luahan pesawah Jelapang Padi Seberang Perak, Sitah Mat Lidin, 80an, selepas kecewa dengan tindakan kerajaan sekarang tidak memberi subsidi baja padi sepenuhnya seperti kerajaan dahulu.

Malah nenek kepada lapan cucu ini menyuarakan hasrat untuk berdepan dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bagi dapatkan penjelasan mengenai tindakan kerajaan dalam isu itu.

"Kalau ada yang nak buat jumpa menteri jom kita pergi, bila masa nak pergi bagi tahu. Dia potong subsidi baja dan racun kita nak buat bendang dengan apa.

"Kita nak jumpa menteri nak tanya sebab apa, bila jadi macam ini kita rakyat yang sokong mereka, kalau tak sokong idok ler dia jadi menteri. Jadi saya nak tanya sebab apa dia mansuh benda ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Blok Pertanian Seberang Perak, di sini, semalam.

Sitah antara lebih 100 pesawah dari Jelapang Padi Seberang Perak libatkan Blok A, B, C dan D yang adakan himpunan serta kumpul memorandum bagi desak kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kembalikan subsidi penuh baja padi.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Bela Petani Seberang Perak, Mohd Razali Yahya berkata, lebih 100 pesawah berkumpul bagi menyatakan bantahan terhadap tindakan kerajaan yang gagal membekalkan dua komponen dalam subsidi baja padi iaitu baja tambahan NPK dan bantuan input pertanian racun serangga dan racun rumpai.

"Kita ingin desak kerajaan terutamanya MOA berikan semula bantuan subsidi yang mana kami terima setakat ini hanyalah baja sebatian atau campuran dan baja urea, manakala baja tambahan NPK dan racun serangga serta racun rumpai belum diterima.

"Masalah ini memberikan kesan buruk kepada 4,720 pesawah di jelapang padi ini ekoran hasil tuaian akan mengalami kerugian sekiranya subsidi untuk baja NPK dan racun tidak diberikan dalam masa terdekat," katanya.

Tambahnya, pihaknya amat kesal dengan kerajaan hari ini yang tidak secekap dan sepantas kerajaan sebelum ini di mana pesawah boleh mengambil subsidi baja penuh sebelum mereka menabur padi setiap kali musim baharu.

"Ada pesawah dah tabur padi dan ada berusia 20-30 hari tetapi pesawah masih tidak dapat bantuan subsidi baja NPK, racun rumpai dan serangga," katanya.

**info**

**Kira-kira 100 pesawah desak MOA kembalikan subsidi penuh baja padi**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Makcik nak jumpa Salahuddin' | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan) | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 36 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 383 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,683 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,049 |



# 'Makcik nak jumpa Salahuddin'

***Pesawah padi kesal tindakan kerajaan tidak berikan subsidi penuh baja padi***

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID



SITAH



**Lebih 100 pesawah Jelapang Padi Seberang Perak mengadakan bantahan dan meminta subsidi penuh baja padi dikembalikan seperti dahulu.**

KAMPUNG GAJAH

"Deme jadi menteri kita ni rakyat sokong, susah payah kita sokong deme, dah deme jadi menteri nak potong pulak pendapatan kita.

Itu luahan pesawah Jelapang Padi Seberang Perak, Sitah Mat Lidin, 80-an, selepas kecewa dengan tindakan kerajaan sekarang tidak memberi subsidi baja padi sepenuhnya seperti kerajaan dahulu.

Malah nenek kepada lapan cucu ini menyuarakan hasrat untuk berdepan dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bagi dapatkan penjelasan mengenai tindakan kerajaan dalam isu itu.

"Kalau ada yang nak buat jumpa menteri jom kita pergi, bila masa nak pergi bagi tahu. Dia potong subsidi baja dan racun kita nak buat bendang dengan apa.

"Kita nak jumpa menteri nak tanya sebab apa, bila jadi macam ini kita rakyat yang sokong mereka, kalau tak sokong idok ler dia jadi menteri. Jadi saya nak tanya sebab apa dia mansuh benda ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Blok Pertanian Seberang Perak, di sini, semalam.

Sitah antara lebih 100 pesawah dari Jelapang Padi Seberang Perak libatkan Blok A, B, C dan D yang adakan himpunan serta kumpul memorandum bagi desak kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kembalikan subsidi penuh baja padi.

Sementara itu, Pengerusi Badan Bertindak Bela Petani Seberang Perak, Mohd Razali Yahya berkata, lebih 100 pesawah berkumpul bagi menyatakan bantahan terhadap tindakan kerajaan yang gagal membekalkan dua komponen dalam subsidi baja padi iaitu baja tambahan NPK dan bantuan input pertanian racun serangga dan racun rumpai.

"Kita ingin desak kerajaan terutamanya MOA berikan semula bantuan subsidi yang mana kami terima setakat ini hanyalah baja sebatian atau campuran dan baja urea, manakala baja tambahan NPK dan racun serangga serta racun rumpai belum diterima.

"Masalah ini memberikan kesan buruk kepada 4,720 pesawah di jelapang padi ini ekoran hasil tuaian akan mengalami kerugian sekiranya subsidi untuk baja NPK dan racun tidak diberikan dalam masa terdekat," katanya.

Tambahnya, pihaknya amat kesal dengan kerajaan hari ini yang tidak secekap dan sepantas kerajaan sebelum ini di mana pesawah boleh mengambil subsidi baja penuh sebelum mereka menabur padi setiap kali musim baharu.

"Ada pesawah dah tabur padi dan ada berusia 20-30 hari tetapi pesawah masih tidak dapat bantuan subsidi baja NPK, racun rumpai dan serangga," katanya.

**info**

**Kira-kira 100 pesawah desak MOA kembalikan subsidi penuh baja padi**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin: Malaysia to export frozen shelled durian to China | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 233,713 |
| Page No | A9 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 168 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,314 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,942 |



## 沈志勤：業者做好準備

# 冷凍帶殼榴槤將輸中

（槟城1日讯）农业部副部长沈志勤透露，大马将出口冷冻带壳榴梿到中国，他吁请榴梿业者做好准备面对这市场。

他指出，农业部秘书长及高官上周到北京与中国农业部高官会面时，也讨论了出口冷冻带壳榴梿到中国，中国海关总署（GACC）将来马考察。

“因此，我促请榴梿业者做好准备，提升本身的榴梿园，以达到中国海关总署的标准。”

沈志勤今早为第10届槟州国际清真展销及研讨会开幕后，如是透露。出席者有槟州首长曹观友、国内及国际贸易委员会主席拿督阿都哈林。

询及中国入口我国榴梿会否导致榴梿涨价时，沈志勤说，随著中国入口我国榴梿，本地榴梿价格相信可能会降价，因为需求增加，供应也相应增加。

“如果没有新市场，就不会有人要投资种榴梿，不过如果榴梿有前景，就会越多人将油棕园改为榴梿园，价格可能会跌。虽然如此，榴梿价格还是交由市场决定。”

沈志勤透露，配合明年2020年大马旅游年，农业部与旅游部已成立联合委员会，在今年中推广“榴梿旅游”。

他说，不止槟州榴梿园主，全国各地榴梿园主也要做好准备，投资生态旅游，包括在果园建度假屋或民宿、推出榴梿旅游配套及榴梿下游产品，比如榴梿蛋糕等，吸引亚洲一带的游客。

沈志勤也指出，未来的趋势将非常注重食品安全，因此农业部开始关注这一部分，即每一样食品都可以追踪到源头，比如产自哪个农地、工厂、批发商和零售商等。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | China to import Malaysia durian soon | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 379 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,767 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,302 |



## 沈志勤：年中最后一次考察

# 中国即将进口大马榴梿

（槟城1日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，该部秘书长上周已与中国高官进行常年对话会，商讨进口我国榴梿事宜，中国高官将在年中来马进行最后一次考察，为中国进口我国冷冻整个榴梿铺路。



沈志勤

他说，榴梿市场需求愈加蓬勃，深受本地及外国游客喜爱，除了中国游客，许多亚洲国家对我国榴梿也深感兴趣。

沈志勤今日出席2019年国际清真食品展销会开幕仪式后召开记者会时，这么说。

沈志勤提及，除了槟城浮罗山背，霹雳、柔佛、沙巴及砂拉越等地都具有潜质推广榴梿市场。

他为此呼吁果园园主作好准备，并应致力提升果园，策划一些相关配套，也需举办相关各旅游活动，甚至建设民宿及别墅等。

### 油棕园可改种榴梿

询及当我国榴梿出口至外国，会否导致其价格飙涨时，他则指有了需求就会有市场，进而吸引许多人前来投资该市场。

“有一定的市场后，一些园主也可将油棕园改种榴梿，届时榴梿供应就会更庞大，相信价格不受影响。”

## 农业部旅游部设联合委会

# 年中推介榴梿旅游

农业部及旅游、艺术及文化部已成立联合委员会，将于年中推介榴梿旅游，这也将成为2020年马中文化旅游年的重点项目之一。

沈志勤说，大马除了要出口榴梿，也要吸引更多游客前来品尝本地榴梿，利用榴梿赚取更多外汇。

“政府年中将推介榴梿旅游，而油棕园园主可以将油棕园改换为榴梿园，但油棕仍保持是我国最大的出口种植业。”

沈志勤较后接受本报电访时强调，油棕始终是必需品，所以榴梿未来不会取代油棕，成为最大的出口种植业。

“其实一些油棕园园主已将部分油棕园转换成榴梿园，但所谓的转换并非把整片油棕园改换，而是转换部分荒芜的果园，进行综合种植。”

他说，油棕能制成许多物品，因此不可被取代，榴梿则能支撑下游食品，两者性质不同。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Set up durian orchard eco-farms for tourism | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A26 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 581 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,793 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,379 |



# 打造生态榴梿园带动旅游业

**槟城1日讯**｜中央政府将在今年推介榴梿生态旅游，农业及农基副部长沈志勤相信，届时大马榴梿市场将有不错的前景，或有更多人将棕油园转型成榴梿园，以应付出口及本地市场。



阿都哈林（左2起）、槟州首长曹观友及沈志勤等人，于周五为第10届槟城国际清真出口展暨大会主持开幕。

媒体询及榴梿出口至中国，是否会影响本地榴梿价格上涨时，他说，一旦大家看到榴梿未来市场的前景，将会开始大肆投资种植榴梿，届时榴梿供应将增加，意味价格或有下降的可能。

他是今日出席第10届槟城国际清真出口展暨大会后召开记者会指出，榴梿市场越来越蓬勃，深受本地及国外游客的喜爱。该部高级官员于上周与中国高官进行常年对话会时，已就榴梿出口至中国一事作出商讨。

## 出口冷冻榴梿

中国高官也表示，将在年中前来我国进行考察，以进口我国的冷冻榴梿。

不过，他认为，榴梿除了出口至海外市场外，也能够将其包装成一个旅游产品，即榴梿生态旅游，吸引外国游客到大马参观榴梿园及品尝新鲜的榴梿。

因此，他呼吁本地榴梿业者，从现在开始为年中榴梿季节做好准备，提升榴梿园的设备，如打造民宿等。

他也指该部将推出一系列有关榴梿季节的活动，与本地业者配合，向世界各地推介大马榴梿生态旅游。

另外，今年槟城国际清真出口展暨大会为出席者们推介，区块链（blockchain）对未来饮食业影响。

在该大会上，掌管槟州国内及国际贸易、消费人事务与企业发展的行政议员拿督阿都哈林说，区块链技术将协助消费者监督食品的卫生。除了饮食业外，清真食品也急需这些技术加入。

因此，他希望，出席者可利用这个机会了解区块链对清真食品所带来的影响及改变。

另外，他也指出，在2017年，清真市场共为大马出口贡献430亿令吉。

全马拥有清真注册的商家共有6000家，槟州占1200家，州政府欲在今年协助20%商家完成清真注册。

他补充，今年的展览会设有350个摊位，共有超过300家商家参与，预计将吸引5万人出席为期3天的盛会。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Durian Tourism is set to launch mid of the year | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A5 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 405 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,541 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,623 |




国际清真展暨大会开幕仪式

# 年中推介榴梿旅业

## 沈志勤：建更多民宿别墅迎客

**（槟城1日讯）农业及农基工业副部长沈志勤指出，我国将在今年中旬开始推介"榴梿旅游业"，希望业者做好准备，包括建设更多民宿和别墅，以迎接更多来自国内外的游客到来。**

他指出，榴梿市场深具潜能，吸引国内外游客青睐，尤其我国正准备出口冷冻榴梿至中国，所以中国当局预计在今年中旬来大马作最后考察。

"我们希望可以吸引更多游客来马品尝榴梿或参观榴梿园，因此除了浮罗山背的榴梿业，也可发展其他州属，如霹雳、柔佛、沙巴及砂拉越的榴梿业。"

他建议，业者可提升果园设施，如兴建别墅及民宿，并策划各式活动，吸引游客，借此赚取更多外汇。

因此，他鼓励榴梿业者可做好准备，让榴梿老饕们品尝我国美味的榴梿之余，顺道到大马各地旅游，进一步推动我国榴梿旅游业及经济发展。

他表示，农业部将与旅游部成立联合委员会，在今年中旬及明年2020大马旅游年，推介及发展榴梿旅游。

沈志勤是于周五早上出席第1届槟城国际清真展暨大会开幕仪式后，在记者会上，如是表示。

此次槟城国际清真展暨大会共有350个参展摊位，从3月1日至3日在槟州国际会展中心（SPICE）举行，预计将吸引5万人到来参与其盛。

### 价格涨跌视市场而定

对于出口我国榴梿是否会造成其价格飙升，沈志勤表示，榴梿价格涨跌将视市场而定，但是若市场需求量增加，相信会吸引更多人投资榴梿市场，进而增加市场上的榴梿供应，价格还可能会下降。

他解释，若没有发展榴梿业，榴梿供应有限，价格就会上升，"但是若榴梿更有市场，有些园主还可以将油棕园改为榴梿园，增加榴梿供应。"

"若我们要资本化榴梿市场，就需要推出榴梿咖啡、榴梿肉骨茶及榴梿比萨等下游工业产品，将榴梿效益最大化。"

### 可探讨区块链对清真业影响

另一方面，沈志勤指出，随着全球区块链（global blockchain）的发展，企业也可探讨区块链对清真业的影响，让我国尽早迈向高科技。



曹观友及沈志勤等人颁发奖状予表现优异的清真企业家

他说，全球区块链可以提供一种更快及更透明的方式，记录和追踪产品的流动，从中了解产品的原料、生产及加工过程都是经过安全或者清真方式处理。

他也说，槟城国际清真展暨大会在过去不受中央政府支持，但是今年该部却在会上有2个展亭及20个摊位，给予很大的支持。

### 曹观友：吸引逾4.8亿清真资本投资

槟州首长曹观友致词时指出，槟州首期国际清真工业园自推行以来，已吸引超过4.8亿令吉的清真资本投资，相信推出第二期国际清真工业园，将加强槟州作为清真中心的角色。

槟州国内及国际贸易、消费人事务与企业发展委员会主席拿督阿都哈林也表示，全马有逾6000家持有清真商标的企业，其中槟州有约1200家，希望未来槟州注册清真商标的企业可再增加20%。

出席者还有武吉淡汶区州议员吴俊益、植物园区州议员王康立、槟州国际清真中心（PIHH）总经理福尔翰等人。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 322,000 pesawah terima baja urea, sebatian bagi musim penanaman pertama 2018/2019 | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

## 322,000 pesawah terima baja urea, sebatian bagi musim penanaman pertama

PUTRAJAYA, 2 Mac (Bernama) -- Sejumlah 322,000 pesawah di seluruh negara telah dibekalkan dengan baja urea dan sebatian bagi musim penanaman pertama 2018/2019, menurut Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).
Kementerian itu dalam satu kenyata...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 322,000 farmers receive urea fertiliser for first planting season | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# 322,000 farmers receive urea fertiliser for first planting season

PUTRAJAYA, March 2 (Bernama) -- A total of 322,000 farmers nationwide have been provided with urea fertilisers for the first planting season 2018/2019, said the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA), In a statement issued here today, the min...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Better Coordination and Cooperation Between MOA & MAFI – Junz | | |
| MediaTitle | Borneo Today (www.borneotoday.net) | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Better Coordination and Cooperation Between MOA & MAFI – Junz

By BORNEOTODAY
KOTA KINABALU: Minister of Agriculture and Food Industry Junz Wong said more meetings between his ministry and Federal Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) should be held to have better understanding of Sabah actual situat...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Violating fishing licence: Skipper fined RM4,000 | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 6 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 120 cm² |
| Journalist | Jo Ann Mool | AdValue | RM 255 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 765 |



# Violating fishing licence: Skipper fined RM4,000

**Jo Ann Mool**

KOTA KINABALU: A fishing boat skipper was fined RM4,000 or four months' jail at the Sessions Court Friday for violating the condition of a fishing licence by fishing from a nearest shore more than three times.

Majid Kamba, 54, pleaded guilty before Judge Azreena Aziz to committing the offence at 1am on Feb 15 this year at the northwest nautical waters of Torong Tera, here.

The charge stated that Majid had breached the condition in the license issued by the Sabah Fisheries Department for more than three times.

Deputy Public Prosecutor Nurun Nazifah Mohd Iyen from the Maritime Enforcement Agency informed the court that Majid was caught fishing at the area which is under three nautical miles from the nearest coast, more than three times.

The offence under Section 8 (b) of the Fisheries Act 1985, read together under Section 31 (1) of the Act is punishable under Section 25 (b) of the same Act which provides for a fine of up to RM20,000 or a jail term of up to two years or both, on conviction.

Majid, who was unrepresented requested for leniency.

DPP Nurun pressed for deterrent sentence be imposed.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/3/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Maqis wira keselamatan makanan

**PUTRAJAYA** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) pada 2018 telah melakar beberapa siri kejayaan dalam mempertahankan biosekuriti dan keselamatan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pada tahun lalu, 107 kes tangkapan, 29 kes pendakwaan dengan nilai rampasan berjumlah RM13 juta dan nilai denda sebanyak RM333,200.

"Antara kes yang menjadi tumpuan media ialah kes penahanan oleh Maqis Pulau Pinang melibatkan dua kontena sardin dalam tin yang mengandungi bendasing iaitu cacing, genus anisaksis spp yang diimport daripada China.

"Selain itu, Maqis juga berjaya menyumbang kutipan hasil kerajaan lebih RM71 juta berbanding peruntukan mengurus sebanyak RM28 juta yang disalurkan," katanya pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Maqis 2018 di sini, kelmarin.

Pada acara itu, seramai 30 penguat kuasa dan lima orang bukan daripada skim penguatkuasa menerima anugerah perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2018.

Dalam perkembangan lain, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengemukakan kertas permohonan kepada Kabinet bagi penambahan anggota Maqis yang berdepan kekurangan kritikal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/3/2019 | HARIAN METRO | SPEKTRUM | 40 |

# 'LEMBAH PRAIRIE' MALAYSIA





## SPEKTRUM BERSAMA SHAHRUL HAFIZ ZAM

**Ratusan hektar petak padi di utara tanah air yang kontang bertukar menjadi pemandangan menakjubkan dengan warna kuning keemasan saat dibias mentari petang.**

Dengan jerami memenuhi petak padi, ia umpama 'prairie' atau padang rumput di ladang gandum di Amerika Syarikat setiap kali musim menuai tamat.

Lautan jerami itu bagaimanapun tidak disia-siakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ketiga-tiga agensi ini mengambil jerami berkenaan untuk dijadikan pelbagai produk termasuk kraf tangan.



**PESAWAH** melonggokkan jerami.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/3/2019 | HARIAN METRO | SPEKTRUM | 41 |



ANDANGAN sawah padi seakan-akan prairie di Amerika Syarikat.





SUASANA senja di Kampung Tanjung Pisang, Alor Setar.



MOHD Rusdi Ghazali (kiri) bersama dua kudanya yang dibawa bersiar di Kampung Gelam, Sungai Limau Dalam, Yan.



KAWASAN sawah yang kering turut menjadi lokasi anak muda beriadah.



PEMILIK kuda membawa haiwan itu bersiar-siar pada waktu petang.



INISIATIF MADA dengan kerjasama IAS berjaya menangani pembakaran terbuka.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 24 |

# HIKMAH CUACA PANAS

## Tanaman cepat matang, keluaran bertambah

Nor Akmar Samudin
am@hmetro.com.my



PENTERNAK, Omar Salleh, 63, menyembur ternakan itik nila miliknya akibat cuaca panas yang berpanjangan melanda negara.

**Selayang**

Gelombang cuaca panas yang sedang melanda negara tidak menjejaskan pengeluaran hasil pertanian.

Sehingga kini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) belum menerima aduan mengenai kekurangan hasil pertanian atau peningkatan harga sayuran di pasar tani kendalian mereka.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak berkata, keadaan cuaca ini ada kebaikannya pada sesetengah tanaman yang akan cepat matang dan banyak keluaran.

"FAMA ada sumber bekalan yang kukuh seperti kubis, sawi dan kelapa yang akan di salurkan ke setiap *outlet*," katanya selepas majlis pelancaran My Best Buy - Jualan Terus Dari Ladang @ Melaka Day Jom Gegau! di pekarangan FAMA, di sini, semalam.

Ia dilancarkan Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan & Industri Asas Tani Negeri Melaka, Norhizam Hassan Baktee.

Ahmad berkata, program My Best Buy yang diadakan sehingga hujung tahun ini memberi ruang kepada petani dan peniaga memasarkán barangan mereka kepada pengguna pada harga rendah.

"Setakat ini, FAMA ada 162 lokasi dan akan ditambah 30 lokasi lagi yang menjadi tumpuan orang ramai seperti kawasan pejabat, hospital, kilang, kawasan perumahan dan IPTA.

"Pesta jualan ini akan diadakan sebulan sekali setiap hujung bulan pada hari Jumaat.

"Dijangkakan dengan penambahan lokasi My Best Buy, hasil jualan disasarkan sebanyak RM16 juta dengan pembabitan lebih 3,000 peniaga," katanya.

Pelancaran My Best Buy - Jualan Terus Dari Ladang @ Melaka Day Jom Gegau! ini adalah kerjasama FAMA dengan kerajaan Negeri Melaka sempena Tahun Melawat Melaka 2019.

Norhizam berkata, kerajaan Negeri Melaka memperuntukkan RM1.2 juta untuk petani negeri itu.

**FAKTA**
*Pesta jualan akan diadakan sebulan sekali setiap hujung bulan pada hari Jumaat*

## Henti aktiviti luar kelas

**Cyberjaya:** Kementerian Pendidikan menyeru pihak sekolah supaya menghentikan aktiviti luar kelas memandangkan cuaca panas pada ketika ini.

Menterinya, Dr Maszlee Malik berkata, surat peringatan sudah dikeluarkan pada pertengahan Februari lalu kepada semua sekolah.

Katanya, kebanyakan sekolah mengadakan acara sukan tahunan bermula minggu depan.

"Jika waktu panas, kita tak galakkan sekolah adakan aktiviti dan kita galakkan murid banyak minum air.

"Ibu bapa juga berpesan kepada anak masing-masing supaya menjaga kesihatan. Banyak minum air dan kurangkan aktiviti luar," katanya selepas majlis pelancaran Kelab UNESCO dan Model United Nations (MUN) di Sekolah Seri Puteri di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 48 |



AHMAD ISHAK (dua dari kiri) tertarik dengan buah nanas yang dijual di sebuah gerai ketika program 'MyBest Buy-Jualan Terus Dari Ladang @ Melaka Day Jom Gegau di Selayang, Selangor semalam. - BERNAMA

# Cuaca panas tidak jejas bekalan sayur

**KUALA LUMPUR 1 Mac** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) belum menerima aduan berkaitan peningkatan harga sayur dan masalah bekalan hasil tani akibat fenomena gelombang panas setakat ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, walau bagaimanapun pihaknya tetap melakukan pemantauan sebagai langkah persediaan seandainya cuaca panas berlarutan dan menjejaskan bekalan hasil tani di pasaran.

"Sebenarnya, keadaan ini (cuaca panas) memberi kebaikan kepada tanaman berdaun hijau seperti kobis dan sawi kerana mempercepatkan tempoh matang pokok tersebut. Secara tidak langsung, keadaan ini dapat memastikan bekalan sayuran sentiasa mencukupi walaupun dalam cuaca panas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program My Best Buy-Jualan Terus Dari Ladang @ Melaka Day Jom Gegau, di sini hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan fenomena cuaca panas yang melanda bahagian barat Semenanjung dan Sabah dijangka berterusan hingga akhir Mac ini.

Sementara itu, FAMA turut menyasarkan penambahan hingga 200 lokasi bagi program My Best Buy (MBB) hingga hujung tahun ini.

"Dengan maklum balas, kehadiran dan penyertaan usahawan tani dalam program bulanan tersebut, kami mendapati 162 lokasi MBB sedia ada sekarang tidak mencukupi. Kami dalam usaha meluaskan lagi akses pembeli dan peniaga dengan menambah lebih 30 lokasi baharu bertumpuan ramai seperti hospital, kilang, institusi pengajian tinggi dan kawasan perumahan," katanya.

Tambahnya, penambahan lokasi itu juga diyakini mampu mencapai sasaran hasil jualan MBB iaitu sebanyak RM16 juta dengan penyertaan lebih 3,000 pengusaha pelbagai produk. - BERNAMA



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/3/2019 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Bekalan air di beberapa negeri masih mencukupi

**KOTA BHARU** – Pengguna di beberapa negeri dinasihatkan agar tidak bimbang dengan isu bekalan air walaupun beberapa empangan mencatatkan sedikit penurunan ekoran keadaan cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Di **Kelantan**, Pengarah Eksekutif Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), Ab. Rashid Mohd. Yusoff memberi jaminan tiada catuan air akan dilaksanakan di negeri ini dalam tempoh terdekat.

"Sekiranya ada keperluan catuan air, AKSB akan mengemukakannya kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan catuan hanya boleh dilaksana selepas mendapat kelulusan pihak berkenaan," katanya ketika dihubungi *Bernama* semalam.

Jelas beliau, buat masa ini AKSB telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan paras bekalan air di 35 loji rawatan air di negeri itu berada dalam keadaan terkawal.



KEADAAN paras air Empangan Semenyih yang masih mencatatkan paras simpanan air melebihi 99 peratus.

Sementara itu, di Selangor, bekalan air di tujuh empangan di negeri itu juga dilaporkan mencukupi untuk kegunaan domestik.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim menjelaskan, kesemua empangan berada pada tahap memuaskan iaitu melebihi 85 peratus ketika ini.

"Sehingga semalam (kelmarin), paras air di Empangan Sungai Semenyih mencatatkan 99.52 peratus, Empangan Tasik Subang (97.40 peratus), Empangan Sungai Selangor (96.89 peratus), Empangan Sungai Tinggi (96.51 peratus) dan Empangan Batu (93.96 peratus).

"Dua lagi empangan iaitu Empangan Sungai Langat berada pada paras 93.27 peratus dan Empangan Klang Gates (88.78 peratus)," katanya.

Di Labuan, Sabah pula, bekalan air di pulau bebas cukai itu turut dilaporkan masih mencukupi.

Pengarah Jabatan Air Labuan, Alvin Michael Lo berkata, kapasiti pengeluaran air di Labuan ialah 100 juta liter sehari (mld), sedangkan permintaan daripada lebih 100,000 isi rumah termasuk dari zon industri baru 71mld.

Tambahnya, Labuan juga masih mendapat bekalan air dari tanah besar menerusi Sungai Padas, Beaufort melalui paip bawah laut yang disalurkan terus ke empangan di Pulau Enoe. – Bernama

**INFO** Bacaan paras air empangan

| EMPANGAN | PARAS TERKINI |
|---|---|
| **Kelantan** | |
| Empangan Bukit Kwong | 91.6% |
| **Pahang** | |
| Empangan Chereh, Kuantan | 92% |
| **Negeri Sembilan** | |
| Empangan Sungai Terip | 95.96% |
| Empangan Kelinchi | 77.53% |
| Empangan Talang | 99.93% |
| Empangan Pedas | 100% |
| Empangan Gemencheh | 72.09% |
| Empangan Ulu Sepri | 100% |
| Empangan Teriang | 96.99% |
| **Pulau Pinang** | |
| Empangan Air Itam | 63% |
| Empangan Teluk Bahang | 76.5% |
| Empangan Mengkuang | 45.9% |
| **Terengganu** | |
| Empangan Kenyir | 93.94 % |

# Cuaca panas tidak jejas bekalan sayur

**KUALA LUMPUR** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) belum menerima sebarang aduan berkaitan peningkatan harga sayur dan masalah kekurangan bekalan hasil tani akibat fenomena gelombang panas setakat ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak bagaimanapun berkata, pihaknya tetap melakukan pemantauan sebagai langkah persediaan seandainya cuaca panas berlarutan dan menjejaskan bekalan hasil tani di pasaran.

"Sebenarnya, keadaan ini (cuaca panas) memberi kebaikan kepada tanaman berdaun hijau seperti kobis dan sawi kerana ia mempercepatkan tempoh matang pokok tersebut. Secara tidak langsung, keadaan ini dapat memastikan bekalan sayuran sentiasa mencukupi walaupun pada cuaca panas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan program MyBest Buy-Jualan Terus Dari Ladang@Melaka Day Jom Gegau di sini semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan fenomena cuaca panas yang melanda bahagian barat Semenanjung dan Sabah dijangka berterusan hingga akhir Mac ini.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Ahmad berkata, FAMA turut menyasarkan penambahan sehingga 200 lokasi bagi program MyBest Buy (MBB) hingga hujung tahun ini.

"Dengan maklum balas, kehadiran dan penyertaan usahawan tani pada program bulanan tersebut, kami dapati 162 lokasi MBB yang sedia ada sekarang tidak mencukupi.

"Kami dalam usaha meluaskan lagi akses pembeli dan peniaga dengan menambah lebih 30 lokasi baharu tumpuan ramai seperti hospital, kilang, institusi pengajian tinggi dan kawasan perumahan," katanya. – Bernama



AHMAD (dua dari kiri) melawat gerai jualan pada program 'MyBest Buy-Jom Gegau' di Ibu Pejabat FAMA di Selayang semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Jaga Kualitas, Kementan Keluarkan Aturan Standard Pupuk Organik | | |
| MediaTitle | Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com) | | |
| Date | 02 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# Jaga Kualitas, Kementan Keluarkan Aturan Standard Pupuk Organik

Pemerintah akhirnya mengeluarkan Peraturan Menteri Pertanian Nomor 01 Tahun 2019. Permentan ini untuk melindungi konsumen terhadap kualitas pupuk.
Baca tapak asal

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | S2 | |




# LARA MUSIM TENGKUJUH

KEHIDUPAN nelayan di Malaysia diibaratkan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Lumrah kehidupan golongan tersebut pendapatan mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil laut. Justeru, apabila tiba musim tengkujuh separuh daripada pendapatan mereka akan hilang kerana tidak dapat turun ke laut.

Bagi meneruskan hidup, nelayan di Kampung Sungai Sembilang, Kuala Selangor tetap turun ke laut ketika tengkujuh dan berani mengambil risiko untuk menampung perbelanjaan harian.

Mereka juga mencari alternatif bagi memastikan pendapatan tidak putus dengan melibatkan diri dalam bidang akuakultur iaitu ternakan kupang.

MUKA 22 & 23

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | S2 RENCANA | 22 |

> "Golongan nelayan tidak berputus asa walaupun menyedari sekurang-kurangnya 50 peratus sumber pendapatan berkurang semasa musim tengkujuh."





Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
pengarang@utusan.com.my

# Ambil risiko redah Monsun Timur Laut

Musim tengkujuh atau Monsun Timur Laut memberi impak besar kepada golongan nelayan yang tidak dapat turun ke laut seperti biasa.

Walaupun musim tengkujuh berlaku saban tahun, masih terselit kisah duka nelayan yang tidak dapat turun ke laut mencari rezeki terutama menjelang musim persekolahan.

Golongan nelayan tidak berputus asa walaupun menyedari sekurang-kurangnya 50 peratus sumber pendapatan berkurang semasa musim tengkujuh.

Tidak mahu sekadar duduk mengenang nasib, golongan nelayan di Kampung Sungai Sembilang di Kuala Selangor mengambil risiko tetap turun ke laut bagi mencari rezeki bagi menampung keperluan keluarga.

Bagi seorang nelayan, **Abdullah Mahmud**, 58, taburan hujan di Kuala Selangor tidak seteruk di pantai timur dan masih membolehkannya menggunakan kudrat untuk turun ke laut mencari rezeki.

Sebagai nelayan, mentafsir dan membaca keadaan angin serta awan merupakan sesuatu yang wajib dipelajari kerana menentukan sumber pendapatan.

"Sekiranya cuaca baik sama ada pada waktu pagi atau petang, saya akan turun ke laut tetapi tidak lama dalam dua atau tiga jam sahaja kerana faktor keselamatan. Dalam keadaan cuaca seperti ini hasil tangkapan kami sangat berkurangan.

"Saya tetap akan ke laut sekiranya angin tidak terlalu kuat. Berdekatan sini terdapat pulau untuk berteduh jika hujan. Paling lama tidak dapat turun ke laut adalah selama tiga hari yang pada ketika itu hujan lebat dan amat berisiko untuk nelayan," katanya.

Bapa kepada tiga orang anak itu juga mengusahakan ladang kelapa sawit sebagai sumber pendapatan tambahan, namun kejatuhan harga sawit berterusan menyebabkan dia tidak terlalu berharap terhadap hasil jualan komoditi tersebut.

"Pendapatan saya bergantung 100 peratus terhadap hasil laut, kerana itu kami sekeluarga membuat persiapan awal termasuk menabung sepanjang tahun bagi menampung perbelanjaan pada musim tengkujuh termasuk menyediakan kelengkapan anak bersekolah," jelasnya.

Termenung seketika mengenang nasib, dia memberitahu, musim tengkujuh ibarat 'musim pajak gadai' bagi nelayan kerana ada masanya



SEKUMPULAN nelayan di Kampung Sungai Sembilang bergotong - royong melepaskan pelampung ternakan kupang sebagai alternatif bagi menghadapi kesukaran mencari rezeki pada musim tengkujuh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | S2 RENCANA | 23 |



NELAYAN sedang membuat pemberat unjam menggunakan tayar buruk diisi simen di Kampung Sungai Sembilang, Kuala Selangor.

berminggu tidak dapat keluar kerana tidak mampu menampung kos minyak.

Justeru, dia berharap kerajaan akan terus membantu golongan nelayan melalui pemberian Elaun Sara Hidup (ESH) bagi meringankan beban kos sara hidup mereka.

"Bantuan itu sedikit sebanyak meringankan beban kami terutama ketika tidak dapat turun ke laut. Melalui bantuan itu juga dapat menampung perbelanjaan ketika musim hujan," katanya.

Sementara itu **Samsudin Hussien**, 37, berkongsi kisah golongan nelayan di kawasan itu tidak hanya duduk mempersiakan masa, sebaliknya melakukan kerja-kerja yang mampu membawa pulangan sebagai pendapatan tambahan ketika musim tengkujuh.



SAMSUDIN HUSSEIN

Pada musim ini, nelayan akan membuat kerja-kerja seperti membaiki sampan dan bot, mengikat jaring, membawa orang ramai untuk memancing dan membuat pemberat unjam.

"Ada masanya apabila mengambil upah membawa orang ramai memancing dan tiba-tiba hujan lebat, kami terpaksa membatalkannya dan perlu memulangkan bayaran. Walaupun rugi tetapi itulah cara hidup kami dan tiada sedikit pun rasa kecewa," ujarnya.

Tambahnya lagi, baru-baru ini Jabatan Perikanan memberi peruntukan khas kepada nelayan di sini untuk projek membina unjam sebagai perlindungan sementara bagi ikan-ikan dan hidupan laut bersaiz kecil.

Unjam adalah kawasan yang menjadi tumpuan nelayan mencari rezeki kerana kawasan tapak unjam kaya dengan plankton dan menjadi tumpuan ikan kecil.

Di sebalik cabaran yang terpaksa dihadapi boleh nelayan di Kampung Sungai Sembilang, mereka masih bernasib baik apabila hasil tangkapan ikan diuruskan melalui myKomuniti Perikanan (MyKP) kepada orang ramai tanpa orang tengah atau tokey.

Ini bermakna, harga ikan di sini lebih murah kerana tidak melalui peraih serta pendapatan nelayan tidak dimanipulasi.



SAMSUDIN HUSSEIN (kiri) dan Abdullah Mahmud bergotong-royong membuat perangkap ikan jenahak dan siakap.

# Ancaman bot pukat tunda jejas pendapatan

SUDAHLAH keadaan cuaca tidak mengizinkan golongan nelayan untuk turun ke laut, ditambah pula ancaman pencerobohan bot pukat tunda di kawasan itu menjejaskan lagi sumber pendapatan.



NOR HIZAM HARIF

Bagi Ketua Komuniti MyKP Kampung Sungai Sembilang, Nor Hizam Harif, 47, kegiatan pengusaha bot pukat tunda yang menangkap ikan di kawasan kurang lima batu nautika dari pesisir pantai telah merosakkan keseimbangan ekologi marin kerana menarik 'segala isi' sehingga ke dasar.

Malah, anak-anak ikan yang sepatutnya membesar turut menjadi mangsa pukat tunda. "Mereka mempunyai peralatan yang canggih. Mereka menarik hasil sehingga ke tepi pantai. Akibatnya, hasil tangkapan nelayan pesisir pantai seperti kami amat terjejas," jelasnya.

Tambahnya, selain kemerosotan hasil sumber laut, tindakan pengusaha bot pukat tunda turut memberi mengancaman keselamatan nelayan pesisir pantai.

"Pernah bot kami tersangkut pada pukat tunda, malah jaring kami juga rosak akibat dilanggar bot tunda," ujarnya.

Justeru, dia berharap pihak berkuasa mengambil pendekatan lebih tegas terhadap kes-kes bot pukat tunda yang majoritinya dari luar.

"Perkara ini bukan baharu, mereka melakukan aktiviti pada waktu malam untuk mengelak ditahan. "Mereka juga memasang 'mata-mata' untuk mengintip pergerakan pihak berkuasa supaya terlepas daripada tindakan undang-undang," katanya.

# Kupang rezeki baharu nelayan

TENGKUJUH merupakan musim paling menakutkan bagi golongan nelayan memandangkan mereka jarang atau tidak turun ke laut pada tempoh yang agak panjang sekali gus menjejaskan pendapatan.

Ibarat rezeki terpijak, golongan nelayan di Kampung Sungai Sembilang mula menjinakkan diri dengan menceburi satu lagi bidang akuakultur iaitu ternakan kupang sebagai sumber pendapatan sampingan sejak November tahun lalu.

Menurut Nor Hizam, ternakan kupang dijangka menghasilkan pendapatan yang lumayan dan berpanjangan.

Katanya, ketika ini harga kupang di pasaran adalah RM6 sekilogram.

"Pada musim tengkujuh kami akan turun ke laut untuk memasang pemberat dan jaring bagi membolehkan benih kupang melekat dan membesar.

"Tempoh kupang membesar dianggarkan selama lapan bulan sebelum boleh dijual. Kupang yang diternak di sini dijangka memiliki saiz antara lima hingga lapan inci," katanya.

Tambahnya, penternakan kupang memerlukan kawasan perairan yang tidak berarus deras; tiada laluan kapal dan memerlukan air laut dengan kedalaman sekurang-kurangnya tujuh meter serta tidak memerlukan perhatian yang rapi.



NELAYAN memeriksa anak kupang yang membiak pada tukun tayar di perairan Sungai Sembilang, Kuala Selangor.

"Kami mempelajari teknik ini melalui Jabatan Perikanan semasa kursus mengenai penternakan kupang di Johor dan Melaka tahun lalu dan melihat ia memiliki nilai komersial yang sangat tinggi.

"Walaupun baharu memulakan ternakan ini tetapi kami sudah dihubungi oleh peraih yang berminat untuk menjual kupang di pasaran," jelasnya.

Jelasnya lagi, kos untuk menjayakan ternakan tersebut juga tidak banyak memandangkan nelayan di situ mengitar semula peralatan yang ada termasuk jaring.

"Benih juga tidak perlu disediakan kerana benih kupang akan melekat pada jaring dan tali secara semula jadi.

"Buat masa ini terdapat empat projek kupang yang diusahakan melalui peruntukan sebanyak RM50,000 yang diberikan oleh kerajaan yang setiap satu projek boleh menampung sehingga satu tan kupang," ujarnya.